

Hussein mulakan tugas sebagai P. Menteri

DATUK Hussein Onn hari ini telah mengadakan beberapa rundingan peringkat tinggi untuk mengkaji keadaan pada hari pertama beliau bekerja sepenuh hari di pejabat sebagai Perdana Menteri.

Semasa Perdana Menteri bersedia untuk menghadapi tugas-tugas negara, pegawai-pegawai Wisma Putra pula mula membuat persiapan bagi rancangan lawatan beliau ke negara-negara jiran untuk mengikat tali persahabatan dengan pemimpin-pemimpin mereka.

Seorang jurucakap di Jabatan Perdana Menteri berkata Datuk Hussein memulakan tugasnya hari ini dengan bermesyuarat dengan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Kadir Shamsuddin dan lain-lain pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri.

Menurut jurucakap itu, mesyuarat tersebut adalah untuk membuat peraturan-peraturan pejabat dan pentadbiran.

Datuk Hussein juga mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan UMNO.

Di sebelah petang Datuk Hussein berunding dengan penasihat-penasihat politik dan pembantunya untuk mengkaji keadaan politik negara.

Hari pertama di pejabat sejak mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri pada hari Khamis, menggantikan Allahyarham Tun Abdul Razak, Datuk Hussein bekerja hingga pukul 6 petang.

Sementara itu sumber-sumber Wisma Putra memberitahu persiapan sedang dibuat bagi rancangan lawatan Datuk Hussein ke Thailand.

**KUALA LUMPUR
19 JANUARI**

Datuk Hussein juga telah menyatakan hasratnya hendak melawat Indonesia untuk berunding dengan Presiden Suharto. Allahyarham Tun Razak boleh dikatakan bertemu setahun sekali dengan Presiden Suharto untuk membincangkan perkara kepentingan bersama.

Sumber-sumber itu berkata belum ada tarikh ditetapkan bagi lawatan ke dua negara itu begitu juga dengan rancangan lawatan selepas itu ke Singapura dan Burma.

Tujuan utama rancangan lawatan Datuk Hussein itu ialah untuk mengadakan hubungan peribadi dengan pemimpin negara-negara jiran itu.

Datuk Hussein yang telah menegaskan bahawa beliau akan meneruskan dasar Tun Razak bekerjasama rapat dengan negara-negara anggota ASEAN, akan dapat mengadakan hubungan peribadi lagi dengan pemimpin-pemimpin ASEAN di sidang kemuncak pertama ASEAN di Bali antara 23 hingga 25 Februari.

Ikrar

Sementara itu banyak lagi pertubuhan-pertubuhan politik dan kebajikan menyatakan sokongan penuh serta berikrar memberikan kerjasama kepada Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.

Di Kuala Trengganu: PAS Trengganu turut memberi sokongan penuh kepada Datuk Hussein Onn dan yakin Perdana Menteri baru itu dapat menyambung khidmat Allahyarham Tun Razak untuk faedah negara, khasnya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Pesuruhjaya PAS Negeri, Haji Abdul Wahab Yunus berkata untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru masih jauh dan kerana itu hasrat Allahyarham perlu dijalankan tertus.

Beliau berpendapat ini boleh dijayakan dengan adanya kerjasama dalam Barisan Nasional.

Di Kuala Lumpur: Kesatuan Kebangsaan Guru Agama Malaysia Barat di samping menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Rahah, juga memberi sokongan kepada Datuk Hussein.

"KKGUMB juga mengalu-alukan kenyataan Datuk Hussein untuk terus melaksanakan usaha dan

**LIHAT MUKA 12
(Ruangan 1)**

DARI MUKA 1

cita-cita Allahyarham Tun Razak," kata satu kenyataannya hari ini.

Katanya, pihaknya tidak dapat melupakan jasa-jasa Allahyarham mengenai arahannya supaya "kelulusan kami guru-guru agama diberi penghargaan dan penilaian yang sewajarnya."

"Demikian juga arahnya yang terakhir supaya ditangguhkan masalah peralihan guru-guru agama negeri di bawah Kementerian Peajaran sehingga beberapa perkara pokok yang dituntut oleh pihak KKGUMB diselesaikan lebih dulu," tambahnya.

Para pegawai beliau seluruh negara yang bermesyuarat di Kuala Lumpur juga memberikan sokongan kepada Datuk Hussein.

Di **Jitra**, UMNO Bahagian Kubang Pasu juga telah menghantar sepucuk kawat yang sama.

Ketua pergerakan itu, Encik Abdul Manan bin

Mohamed Ali berkata Pemuda UMNO merupakan "perangsang" kepada generasi muda dalam membangunkan rakyat dan negara.

Beliau telah berucap dalam satu perjumpaan dengan kira-kira 200 orang Pemuda UMNO di Dewan Orangramai Bukit Bertam, 20 batu dari Selama, petang kelmarin.

Di **Kelang**, Persatuan Bohra Muslim turut menyatakan sokongan penuh serta berikrar memberikan kerjasamanya kepada Perdana Menteri.

Yang dipertuannya, Encik Amil Saifuddin Ibrahim berkata hari ini, persatuannya yakin negara akan terus maju di bawah pimpinan Datuk Hussein.

Lembaga Pertubuhan Peladang juga berikrar memberi sokongan penuh dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada Datuk Hussein.

Pengerusi LPP, Datuk Haji Mustafa Jabar yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar berkata LPP mempunyai penuh keyakinan atas kelayakan, kebolehan, pengalaman serta pandangan luas Datuk Hussein dalam semua lapangan akan dapat membawa kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Di **Ipoh**, Pergerakan Pemuda UMNO Perak turut memberi sokongan penuh dan berjanji akan memberi kerjasama dan berdiri teguh di belakang Datuk Hussein.

Setiausahanya, Encik Rafie Ahmad berkata hari ini, satu kawat bagi pihak Pemuda UMNO Negeri akan dikirimkan kepada Perdana Menteri sedikit hari lagi.

Persatuan Penjaja dan Pekedai Kecil Melayu Pulau Pinang juga memberi sokongan penuh dan kesetiaan kepada Datuk Hussein.

Yang dipertuannya, Encik Ahmad Khairati bin Hashim berkata pihaknya yakin Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Datuk Hussein akan terus memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk memajukan ekonomi orang Melayu di sini seperti yang dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Di **Taiping**, UMNO Bahagian Matang juga menyokong penuh dan berdiri teguh di belakang Datuk Hussein, demikian menurut ketuanya, Encik Nazri bin Yeop Mat Yatim hari ini.